



Penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong tekad memanfaatkan ilmu demi kesejahteraan masyarakat



Oleh: Husnina Zahra Hadri

SERDANG, 30 Jun – Berbekalkan semangat untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), melakar satu pencapaian membanggakan apabila dianugerahkan sebagai penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA).

Pelajar Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang pemakanan, Afiefah Zulkifli berkata penganugerahan biasiswa tersebut merupakan satu penghormatan yang amat bermakna, namun pada masa sama membawa tanggungjawab yang besar untuk dimanfaatkan sebaik mungkin.

“Alhamdulillah, saya amat bersyukur dan berbesar hati atas pengiktirafan ini selepas melalui pelbagai cabaran sepanjang perjalanan akademik.

“Biasiswa ini bukan sekadar satu penghargaan terhadap usaha yang dilakukan, tetapi juga satu amanah untuk terus menimba ilmu, memperbaiki diri dan akhirnya menyumbang kembali kepada masyarakat serta negara,” katanya.

Menurut Afiefah, kejayaan itu hadir tanpa diduga kerana proses temu duga yang dilalui sangat mencabar dan menguji bukan sahaja pengetahuan, malah cara berfikir, nilai diri serta aspirasi sebagai seorang penyelidik.



“Saya tidak pernah menjangkakan akan menerima biasiswa ini. Apa yang saya lakukan hanyalah memberikan yang terbaik sepanjang sesi temu duga dan menyerahkan segala ketentuan kepada Allah.

“Pengalaman itu mengajar saya bahawa setiap usaha perlu disertai dengan keyakinan, doa dan tawakal,” katanya.

Bagi anak kelahiran Kuantan, Pahang, cabaran terbesar akademiknya dalam menyiapkan disertasi di peringkat sarjana, menguji ketahanan mental dan emosi beliau, namun pengalaman tersebut banyak membentuk diri menjadi lebih cekal.

“Proses menyiapkan disertasi bukanlah sesuatu yang mudah. Saya belajar bahawa setiap orang mempunyai cara tersendiri untuk menghadapi tekanan, dan mengenali diri sendiri adalah antara kunci untuk terus melangkah ke hadapan.

“Pada masa yang sama, sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan pensyarah menjadi kekuatan terbesar yang membantu saya mengharungi setiap cabaran,” katanya.

Anak ketiga daripada lima beradik itu berkata ibunya merupakan sumber inspirasi utama yang sentiasa memastikan beliau mendapat pendidikan terbaik serta tidak pernah mengehadkan impian dan cita-citanya.

Mengulas perancangannya selepas ini, beliau berkata fokus utamanya adalah memberikan sepenuh komitmen terhadap pengajian kedoktoran serta menghasilkan penyelidikan berkualiti yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat.



“Saya berharap ilmu yang diperoleh bukan sahaja dapat menyumbang kepada perkembangan akademik, malah diterjemahkan kepada penyelesaian yang memberi impak kepada rakyat.

“Selaras dengan aspirasi Universiti Putra Malaysia, ‘Berilmu Berbakti’, saya ingin memastikan setiap ilmu yang dipelajari dapat dimanfaatkan demi kesejahteraan masyarakat,” katanya.

Beliau turut berpesan kepada mahasiswa agar tidak mudah berputus asa dan sentiasa berani mencabar diri untuk keluar daripada zon selesa kerana setiap cabaran yang dilalui merupakan sebahagian daripada proses menuju kejayaan.

Other News

- 

UPM, National Taiwan Universit...
[Read more »](#)
- 

UPM cun kil bakat matemati...
[Read more »](#)
- 

Unity Fest satukan mahasiswa...
[Read more »](#)
- 

UPM Perkasa Pelajar Sekolah...
[Read more »](#)
- 

UPM anjur Program Zakat...
[Read more »](#)
- 

Young Scientist Day 2026 lahirka...
[Read more »](#)

News Archive

Latest

- Year
- 2026202520242023202220212020201920182017



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

- NewsArticleVideoUPM in the NewsDocument

Contact Us

- Feedback

Others

- UPM HoldingsUPM Plate NumberGive to UPM
Tender and ContractsMinistry of Higher EducationUPM AI HUBSustainability@UPM